



Tom Sertai

Kami di Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan USM!

Pastikan Pilihan



Kebolehpasaran
Graduan 2022 :

90%

Siswazah Bekerja



US6220001 - Sarjana Muda Sastera (Kepujian) [Linguistik Bahasa Melayu / Pengajian Bahasa Inggeris / Geografi / Sejarah / Kesusasteraan]

3 ½ Tahun (7 semester)

PNGK Minimum 2.67 (Kelayakan : STPM/ Diploma / Setaraf – A-Level, IB, AUSMAT, SAM dan lain-lain)



US6222001 - Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Terjemahan Dengan Interpretasi)

3 ½ Tahun (7 semester)

PNGK Minimum 2.67 (Kelayakan : STPM/ Matrikulasi KPM / Asasi UM / Asasi UKM / Asasi UiTM / Diploma / Setaraf – A-Level, IB, AUSMAT, SAM dan lain-lain)



US6224001 - Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Bahasa Inggeris Dan Kesusasteraan)

3 ½ Tahun (7 semester)

PNGK Minimum 2.67 (Kelayakan : STPM/ Matrikulasi KPM / Asasi UM / Asasi UKM / Asasi UiTM / Diploma / Setaraf – A-Level, IB, AUSMAT, SAM dan lain-lain)



Unit Pengambilan Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar
Aras 2, Bangunan Canselor
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

1 300 888 876 / 04-653 3196

admissions@usm.my

Student Admissions USM

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang

04 - 6533371

dean_hum@usm.my

School of Humanities Universiti Sains Malaysia

www.humanities.usm.my



<https://upu.mohe.gov.my>
<https://pohon.usm.my>

KAMI MEMIMPIN

Mentransformasikan Pendidikan Tinggi Untuk Kelestarian Hari Esok
www.usm.my



Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Terjemahan dengan Interpretasi)

Kursus-kursus terjemahan dan interpretasi memberikan maklumat tentang teori-teori terjemahan dan interpretasi serta pelatihan dalam terjemahan dan interpretasi. Pelajar didedahkan kepada kaedah terjemahan/interpretasi; proses penterjemahan dan interpretasi seperti penyuntingan, penterjemahan berbantuan komputer, kejurubahasaan, penarikataan, lokalisasi dan sebagainya; elemen budaya dalam bahasa; dan etika profesional dalam bidang ini.

Objektif Program

Objektif program ini adalah untuk melahirkan siswazah yang bukan sahaja memahami teori terjemahan dan interpretasi, malah dapat mengaplikasikan kaedah yang dipelajari dalam tugas terjemahan dan interpretasi, dapat memahami jenis-jenis interpretasi yang berbeza (pandang, berturutan dan serentak), serta mahir dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (dan bahasa-bahasa lain) dan dapat menterjemah dan menginterpretasi dalam bahasa-bahasa tersebut. Objektif program ini juga adalah untuk menghasilkan siswazah yang dapat bekerja dalam pelbagai industri dan organisasi di dalam dan di luar negara; siswazah yang dapat menyumbang kepada negara sebagai pengantara dalam aspek bahasa, budaya, politik dan sosial di dalam dan di luar negara, dan juga siswazah yang bersikap profesional dalam mengendalikan tugas terjemahan dan interpretasi.

Info Kerjaya

- ▶ Penterjemah
- ▶ Jurubahasa
- ▶ Editor
- ▶ Penyari Kata
- ▶ Pegawai Tadbir
- ▶ Penulis
- ▶ Guru

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan)

Program ini direka untuk memenuhi keperluan negara untuk melahirkan graduan yang berwibawa dan berpengetahuan dengan kemahiran bahasa dan sastera yang relevan yang akan membolehkan mereka menyesuaikan diri secara berkesan dengan tuntutan masyarakat dan perubahan global terutamanya dalam bidang Bahasa Inggeris. Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran komunikasi, kepimpinan dan inovatif yang berkesan untuk mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa melalui penyebaran pengetahuan yang cepak, pembudayaan kualiti yang menekankan kecemerlangan akademik dan profesional, pembangunan individu yang holistik dan komitmen yang kukuh terhadap aspirasi masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Objektif Program

Melahirkan graduan yang:

- ▶ cekap dan berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris.
- ▶ berpengetahuan dalam linguistik sebagai bidang pengajian (seperti fonetik dan fonologi, semantik, sintaksis, sosiolinguistik, psikolinguistik, analisis wacana dll).
- ▶ dilengkapi dengan kemahiran sastera yang relevan supaya dapat menghayati, menganalisis, membincangkan dan menilai pelbagai jenis teks dan wacana sastera.
- ▶ berpengetahuan dalam pelbagai jenis bahasa Inggeris (iaitu genre, daftar, dialek).
- ▶ dilengkapi dengan kemahiran generik yang relevan (iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran IT, kemahiran belajar, kerja berpasukan, pengurusan masa, kemahiran interpersonal), pemikiran kritis dan kreatif serta kemahiran intelek (untuk mensintesis, menganalisis dan menilai maklumat dan idea).

Info Kerjaya

- ▶ Pensyarah IPTA/IPTS
- ▶ Guru sekolah
- ▶ Penyunting/Editor
- ▶ Pengarang karya kreatif
- ▶ Pegawai penyelidik
- ▶ keusahawanan
- ▶ Pegawai tadbir
- ▶ Pegawai Perancang Bahasa

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) ditawarkan melalui pengkhususan:

- ▶ Linguistik Bahasa Melayu
- ▶ Pengajian Bahasa Inggeris
- ▶ Geografi
- ▶ Kesusasteraan
- ▶ Sejarah

Objektif Program

▶ Untuk memberikan kesedaran bahawa sebarang ilmu yang dipelajari itu hanya merupakan asas kepada proses mencari ilmu yang berterusan seumur hidup.

▶ Untuk memberi asas akademik di dalam disiplin yang berkenaan sejajar dengan kandungan ijazah yang dianugerahkan sebagai asas pendidikan yang luas dan menyeluruh.

▶ Untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuandan kemahiran insaniah termasuk latihan pekerjaan yang sesuai dan untuk melahirkan graduan yang seimbang dan berkemampuan dalam kehidupan dan pekerjaan.

Info Kerjaya

- ▶ Guru
- ▶ Pensyarah
- ▶ Pegawai tadbir
- ▶ Perancang bandar
- ▶ Kurator
- ▶ Penulis